

Dua pendekar terbaik kejohanan diiktiraf

Berita Harian, 5 April 2011, Page 17

Article also available on Microfilm Reel NL31310

Printer-Friendly Page

Dua pendekar terbaik kejohanan diiktiraf

BUAT tahun kedua berturut-turut, Nur Shafiqah Sheik Alauddin dipilih sebagai Atlit Wanita Terbaik, sementara Mohd Syahir Agus muncul sebagai Atlit Lelaki Terbaik dalam Kejohanan Pencak Silat Pengajian Tinggi di Pusat Kecemerlangan Silat kelmarin.

Selepas mengungguli kategori seni tunggal puteri, Shafiqah, penuntut Universiti Teknologi Auckland (AUT), membuktikan kehandalannya dalam kategori tanding dengan menundukkan Nur Hidayah Ariffin dari Politeknik Nanyang 5-0 untuk merangkul emas Kelas C.

Bagi Syahir, penuntut tahun ketiga Politeknik Nanyang, ini merupakan kali pertama beliau dinobatkan sebagai Atlit Terbaik kejohanan yang

— Oleh **SAPARIN RASIKIN.**

masuk tahun ke-10.

Ini menyusuli kejayaannya memenangi emas kategori tanding Kelas E, di samping memenangi pingat perak dalam kategori seni ganda putera.

Shafiqa kini sedang mempersiapkan diri untuk pemilihan para pesilat nasional menghadapi Kejohanan Pencak Silat Asia Pertama di sini mulai 14 hingga 17 April ini.

Dalam acara tanding, beliau mempamerkan keyakinan dan ketenangan untuk melenturkan kegigihan lawannya yang memang kurang pengalaman untuk mengekalkan re-

kod tanpa kalah dalam pertandingan ini.

“Saya gembira bukan saja dapat mengekalkan dua pingat emas, bahkan anugerah Atlit Wanita Terbaik buat tahun kedua berturut-turut,” jelas bekas pelajar Sekolah Sukan Singapore itu.

“Kejayaan ini memang saya jangkakan, memandangkan latihan gigih yang saya jalani sejak awal tahun ini.”

Kini Shafiqa berharap bukan saja mendapat tempat dalam pasukan negara

Kejohanan Asia, bahkan ke Sukan SEA Indonesia November ini.

Bagi Syakir, kejayaan ini sekali gus menimbulkan keinginan kembali merebut tempat dalam skuad nasional selepas hampir empat tahun mengundurkan diri kerana soal pelajaran.

“Saya mengundurkan diri kerana persediaan peperiksaan GCE ‘O’ dan kini selepas tamat poly, saya mungkin menimbang-kan kembali ke skuad nasional,” kata penuntut berusia 19 tahun itu. – **Oleh**

’ Saya
gembira
bukan saja
dapat
mengekal dua
pingat emas,
bahkan anugerah
Atlit Wanita
Terbaik buat
tahun kedua
berturut-turut,
Kejayaan ini
memang saya
jangkakan,
memandangkan
latihan gigih yang
saya jalani sejak
awal tahun ini.

– **Nur Shafiqah Sheik
Alauddin.**



PESILAT UNGGUL: Mohd Syahir Agus dan Nur Shafiqa Sheik Alauddin tersenyum selepas masing-masing dipilih sebagai Atlit Lelaki Terbaik dan Atlit Wanita Terbaik Kejohanan Pencak Silat Pengajian Tinggi.